

Aktiviti-aktiviti BKS sepanjang bulan Januari—Februari 2008 :-



Buletin ini akan diterbitkan setiap dua (2) bulan

Sidang Redaksi

Penaung : Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Munit Bin Kasmin

Penasihat : Y. Bhg. Dato' Haji Nasir Bin Mat Dam

Ketua Editor : Y. Bhg. Dato' Haji Jauhari Bin Taib

Editor : En. Norazreen Bin Mustapa

Wartawan (1) : Pn. Dirayah Binti Dollah

Wartawan (2) : En. Muhamad Fathi Bin Ahmad Murad

Wartawan (3) : En. Mad Azmi Bin Sulaiman

TERBITAN PERTAMA BULETIN

Bermula pada bulan Januari 2008, BKS akan menerbitkan majalah buletinnya sendiri bagi memberi info dan maklumat kepada bahagian-bahagian dan agensi-agensi Kementerian Kerja Raya yang lain tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Kementerian Kerja Raya. Buletin tersebut akan diterbitkan bagi setiap dua bulan sekali.

Untuk makluman, Bahagian Kawalselia Penyenggaraan ialah bahagian di dalam Kementerian Kerja Raya yang telah dipertanggungjawabkan bagi memantau kerja-kerja pengurusan dan penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan Dan Jalan-Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang telah dilantik.



MAJLIS MENANDATANGANI DOKUMEN PERJANJIAN UNTUK KERJA-KERJA PENGURUSAN DAN PENYENGGARAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN ZON UTARA DAN SABAH



14 Februari 2008 (Khamis) : Bertempat di Bilik Mesyuarat Seroja di Tingkat 5 Blok A, satu Majlis Menandatangani Dokumen Perjanjian Tambahan Semakan Semula Kadar Harga Untuk Kerja-kerja Pengurusan Dan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan Zon Utara Dan Sabah Bagi Lima (5) Tahun Kedua Antara Pihak Kerajaan Dan syarikat konsesi Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd. telah diadakan pada 14 Februari 2008 yang lalu. Bagi pihak Kerajaan telah diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Munit Bin Kasmin dan disaksikan oleh Pengarah Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, Y. Bhg. Dato' Haji Jauhari Bin Taib manakala bagi pihak Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd. telah diwakili oleh Pengarah Syarikat, Y.M Raja Mohd Azmi Bin Raja Razali dan disaksikan oleh Pengarah Urusan, Hj. Mohamed Bin Meranum serta ahli-ahli lembaga pengarah syarikat konsesi Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd yang lain.

Syarikat konsesi Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd. telah dilantik bermula pada 9 Februari 2001 untuk melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan penyenggaraan di 18 buah Bangunan Gunasama Persekutuan Zon Utara Dan Sabah dengan keluasan lantai keseluruhannya adalah 1,211,210.71 kaki persegi. Tahniah diucapkan kepada syarikat konsesi Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd kerana berjaya mendapat kontrak penyambungan bagi kerja-kerja pengurusan dan penyenggaraan di Bangunan Gunasama Persekutuan selama 5 tahun lagi. - Sumber Unit Penyenggaraan Bangunan, BKS



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
PEMASANGAN JARING PENGHALANG
BURUNG DI KOMPLEKS SULTAN ABU BAKAR,
TANJUNG KUPANG, JOHOR



20 Februari 2008 (Rabu) - Satu majlis penyerahan bagi projek Pemasangan Jaring Penghalang Burung di Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang antara pihak Kerajaan dan syarikat konsesi Ambang Wira Sdn. Bhd. telah diadakan pada 20 Februari 2008 yang lalu. Pihak Kerajaan telah diwakili oleh Pengarah Bahagian Kawalselia Penyelenggaraan, Kementerian Kerja Raya, Dato' Haji Jauhari Bin Taib manakala bagi pihak syarikat konsesi telah diwakili oleh Pengarah Urusan Ambang Wira Sdn. Bhd, En. Taha Sheikh Muhammad.

Projek tersebut bertujuan untuk membendung masalah kehadiran burung-burung di kompleks tersebut terutamanya di waktu malam yang secara langsung telah mengakibatkan kompleks tersebut dicemari oleh najis-najis burung yang mungkin akan menyebabkan timbulnya masalah yang lain seperti pencemaran bau dan masalah kesihatan seperti wabak sel-sema burung.—**Sumber Unit Penyelenggaraan Bangunan, BKS**

ARAHAN PEMOTONGAN RUMPUT SETIAP
1 HINGGA 15 HB SETIAP BULAN



Bermula pada tahun 2008, semua syarikat konsesi yang telah dilantik bagi menyelenggara Jalan-jalan Persekutuan Seluruh Malaysia telah diarahkan untuk melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput bagi setiap 1 hingga 15 haribulan setiap bulan. Oleh itu, lawatan pemantauan yang telah dibuat dan mendapati pihak syarikat konsesi telah melaksanakan arahan tersebut. - **Sumber Unit Jalan, BKS**



HARI KELUARGA BKS TAHUN 2008

2 Februari 2008 (Ahad) - Bertempat di Glory Beach Resort, Port Dickson telah diadakan Hari Keluarga Bahagian Kawalselia Penyelenggaraan bagi tahun 2008. Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Pengarah Bahagian Kawalselia Penyelenggaraan, Dato' Haji Jauhari Bin Taib serta kakitangan-kakitangan BKS yang lain.

Tujuan hari keluarga tersebut diadakan untuk mengeratkan lagi tali silaturrahim sesama kakitangan BKS dan untuk mengenali dengan lebih rapat kakitangan-kakitangan yang baru menyertai BKS. Selain itu, kakitangan yang telah bertukar ke pejabat lain dan yang telah bersara juga turut diraikan dan dijemput menyertai hari keluarga tersebut.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah seperti majlis makan malam, pertandingan nyanyian karaoke, acara senamrobik dan sukaneka pantai.— **Sumber Urusetia Hari Keluarga BKS**

